

Pelaksanaan Pendekatan Kaedah Edutainment dalam Pengajaran dan Pembelajaran Sekolah-Sekolah Luar Bandar di Sabah

(Implementation of Edutainment Method Approach in Teaching and Learning of Rural Schools in Sabah)

Carine Care Simon^{1*}, Ruhizan Mohd Yasin¹

¹ Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Malaysia

*Pengarang Koresponden: PI05279@siswa.ukm.edu.my

Accepted: 15 February 2022 | Published: 1 March 2022

DOI: <https://doi.org/10.55057/jdpd.2022.4.1.9>

Abstrak: Seiring dengan kemajuan abad ke-21, teknologi dilihat sebagai melengkapi tujuan proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) yang berjaya secara maksimum melalui kaedah edutainment. Namun, terdapat sekolah di luar bandar yang dikategorikan sebagai sekolah daif tanpa kemudahan talian telefon, bekalan elektrik 24 jam, bekalan air bersih dan sebagainya. Isu ini menyebabkan guru melihat proses PdP menggunakan kaedah edutainment sebagai tambahan beban kepada komitmen sedia ada. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti tahap pengetahuan, tahap pelaksanaan dan cabaran yang dihadapi guru dalam melaksanakan kaedah edutainment dalam proses PdP di sekolah luar bandar. Seramai 262 orang guru sekolah rendah dan menengah kategori luar bandar di daerah Tambunan, Sabah telah dipilih sebagai responden kajian. Hasil kajian menunjukkan tahap pengetahuan, tahap pelaksanaan dan cabaran yang dihadapi oleh guru-guru dalam melaksanakan kaedah edutainment berada pada tahap yang tinggi. Ujian-t menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan tahap pengetahuan edutainment guru-guru berdasarkan jantina. Manakala keputusan ujian ANOVA sehalu menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan antara tahap pelaksanaan dengan kumpulan pengalaman mengajar. Sementara itu, ujian korelasi pearson menunjukkan tahap pengetahuan mempunyai hubungan positif yang kuat terhadap tahap pelaksanaan kaedah edutainment. Keputusan analisis cabaran yang dihadapi guru pula mempunyai hubungan positif yang rendah terhadap tahap pelaksanaan kaedah edutainment. Keputusan analisis ini menunjukkan walaupun guru berdepan dengan pelbagai cabaran dalam melaksanakan kaedah edutainment, guru-guru tetap sedaya upaya menggunakan kaedah edutainment dalam proses PdP mereka. Implikasi daripada kajian ini mencadangkan bahawa terdapat beberapa pertimbangan yang perlu diambil kira oleh pihak berkepentingan dalam memastikan murid berpeluang mengikuti proses PdP yang menarik.

Kata kunci: edutainment, pengetahuan, pelaksanaan, cabaran, luar bandar

Abstract: Along with the advancement of the 21st century, technology is seen as complementing the purpose of a maximally successful teaching and learning process through edutainment methods. However, there are schools in rural areas that are categorized as poor schools without telephone line facilities, 24-hour electricity supply, clean water supply and so on. This issue causes teachers to view the teaching and learning process using edutainment methods as an additional burden to existing commitments. Therefore, this study aims to identify the level of knowledge, level of implementation and challenges faced by teachers in

implementing edutainment methods in the teaching and learning process in rural schools. A total of 262 rural primary and secondary school teachers in Tambunan district, Sabah were selected as study respondents. The results show that the level of knowledge, level of implementation and challenges faced by teachers in implementing edutainment methods are at a high level. The t-test showed no significant difference in the level of edutainment knowledge of teachers based on gender. While the results of one -way ANOVA test showed that there was a significant difference between the level of implementation with the teaching experience group. Meanwhile, the Pearson correlation test showed that the level of knowledge had a strong positive relationship with the level of implementation of the edutainment method. The results of the analysis of the challenges faced by teachers have a low positive relationship with the level of implementation of edutainment methods. The results of this analysis show that although teachers face various challenges in implementing edutainment methods, teachers still do their best to use edutainment methods in their teaching and learning process. Implications from this study suggest that there are several considerations that need to be taken into account by stakeholders in ensuring that students have the opportunity to follow an interesting teaching and learning process.

Keywords: edutainment, knowledge, implementation, challenge, rural

1. Pengenalan

Pendekatan kaedah edutainment merujuk kepada proses PdP yang bersifat santai dan berhibur (Kusnun & Ismail, 2016). Menurut Isa et. al. (2015), strategi pembelajaran edutainment yang kerap digunakan adalah seperti penceritaan interaktif, simulasi, permainan dan cerita animasi. Kaedah edutainment menjadikan proses pembelajaran lebih menyeronokkan memandangkan konsepnya fokus kepada pembelajaran santai yang tidak membebankan murid. Di samping itu, terdapat unsur-unsur hiburan yang menyeronokkan seperti unsur kelakar, kecindan, lakonan, puisi dan permainan muzik yang menghasilkan suasana belajar yang positif (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2010).

Proses pembelajaran melalui kaedah edutainment membolehkan maklumat dan latihan diakses daripada pelbagai platform sama ada secara formal atau tidak formal (Anikina & Yakimenko, 2014). Kaedah ini membolehkan murid belajar dengan menggunakan pelbagai kombinasi elemen multimedia seperti elemen teks, gambar, video, suara dan animasi. Penggunaan media boleh merapatkan jurang antara teori dan praktik dengan memberi peluang untuk mengumpul pengalaman, berkongsi pengetahuan dan menyediakan konteks dan aktiviti yang sah untuk belajar (Zorica, 2014). Justeru, kaedah ini dapat mengembangkan minda kreatif murid tanpa memberi bebanan pembelajaran. Murid melihat kaedah ini sebagai proses yang menyeronokkan dan membantu mereka memahami sesuatu subjek akademik dengan lebih baik (Jamian et. al., 2012).

Penggunaan pelbagai kombinasi elemen multimedia mempunyai banyak kelebihan berbanding kaedah konvensional, termasuklah mampu menjimatkan kos, memberikan akses yang lebih luas kepada murid, menyediakan pendekatan PdP yang lebih fleksibel serta meningkatkan peluang pendidikan (Rahman, 2020). Namun, kaedah edutainment dengan penggunaan multimedia dilihat kurang memberangsangkan di sekolah kategori luar bandar. Justeru, kajian ini bertujuan untuk mengkaji cabaran yang dihadapi oleh sekolah-sekolah di luar bandar untuk merealisasikan pelaksanaan proses PdP menggunakan kaedah edutainment. Kajian ini

memfokuskan kepada guru-guru yang mengajar di sekolah rendah dan menengah kategori luar bandar di daerah Tambunan, Sabah.

2. Ulasan Kajian Lepas

Istilah edutainment berasal daripada perkataan *education* (pendidikan) dan *entertainment* (hiburan) yang menentukan proses PdP dalam persekitaran yang menyeronokkan dan santai. Isa et. al. (2015), mentakrifkan kaedah edutainment sebagai konsep pembelajaran yang menyeronokkan dan berfungsi sebagai alat bantu mengajar guru. Melalui PdP secara kaedah edutainment, guru dapat memberi ilmu kepada murid, di samping menghiburkan mereka pada masa yang sama. Menurut Lee (2012), tujuan penggunaan kaedah edutainment adalah untuk menarik perhatian dan meningkatkan motivasi murid. Kaedah edutainment memberi murid pengalaman mengembara melalui cerita, maklumat atau bermain permainan mengikut rentak dan permainan mereka sendiri dengan cara mereka sendiri. Hasilnya, murid dapat menghubungkan idea-idea yang mereka peroleh seterusnya meneroka idea tersebut.

Kajian tentang pelaksanaan kaedah edutainment dalam PdP yang dijalankan oleh Raheem (2011) melibatkan 30 orang murid tahap dua dari Sekolah Kebangsaan Bani Hamad menunjukkan bahawa proses pembelajaran menggunakan kaedah edutainment berkesan dalam meningkatkan kemahiran menulis murid. Raheem mendapati murid berjaya menggunakan konsep dan strategi penulisan yang diajar ke dalam penulisan karangan Bahasa Inggeris. Bagaimanapun, Zain & Hussin (2014) menegaskan bahawa kualiti pendidikan luar bandar masih ketinggalan kerana sekolah-sekolah di luar bandar menghadapi cabaran kekurangan infrastruktur, kemahiran teknologi dan komunikasi, serta guru-guru sekolah luar bandar yang kurang berkualiti. Situasi ini memberi cabaran kepada guru-guru di sekolah luar bandar dalam melaksanakan PdP menggunakan kaedah edutainment.

Ferri et. al. (2020) telah melakukan kajian berkenaan peluang dan cabaran guru yang tinggal di kawasan pedalaman untuk menjalankan pengajaran secara edutainment dalam talian. Kajian ini fokus kepada pembelajaran semasa situasi kecemasan seperti persekitaran pembelajaran dalam suasana pandemik Covid-19 yang melanda dunia pada masa kini. Analisis kajian menunjukkan terdapat cabaran teknologi, pedagogi dan sosial yang berkaitan dengan pembelajaran edutainment. Misalnya talian internet yang tidak stabil, kekurangan alat elektronik yang diperlukan murid, kurang kemahiran digital guru dan murid, kandungan berstruktur dalam talian yang terhad, kurang interaktiviti dan motivasi murid, kurang interaksi antara guru dan murid, ruang fizikal di rumah yang kurang sesuai untuk aktiviti pembelajaran dan kurang sokongan ibu bapa.

Kajian Marklund dan Taylor (2016) mengenai pembelajaran berasaskan permainan menumpukan kepada penggabungan antara reka bentuk permainan, prinsip pembelajaran, penglibatan murid dan hasil pembelajaran. Hasil kajian mendapati pembelajaran berasaskan permainan agak mendesak guru dari segi pengorbanan masa dan tenaga, terutamanya dalam mengembangkan lagi kreativiti permainan yang boleh digunakan dalam PdP. Kajian ini turut menekankan pentingnya memahami kekangan yang dihadapi guru. Marklund dan Taylor berpendapat bahawa pemahaman yang lebih baik mengenai konteks di mana permainan akan digunakan dan peranan yang dimainkan oleh guru semasa PdP berasaskan permainan adalah asas yang diperlukan untuk meningkatkan daya maju permainan sebagai alat pendidikan.

Dalam kajian Matos et. al. (2016), terdapat cabaran penggunaan media digital sepanjang proses pembelajaran media dan edutainment. Dapatan kajian mendapati penggunaan media digital

mbolehkan pelbagai maklumat diakses sehingga menarik perhatian khusus kepada keperluan untuk mengembangkan tingkah laku individu yang berkesan, kritis dan bertanggungjawab. Namun, pembelajaran menggunakan media digital mempunyai cabarannya sendiri. Misalnya, akses ke pelbagai maklumat memberi risiko pendedahan banyak perkara yang tidak sesuai kepada murid. Jurang antara budaya sekolah dan pengalaman harian murid yang dipenuhi oleh media digital juga semakin melebar. Dapatan kajian turut menemui pembelajaran secara digital terhadap murid telah menyebarkan pendapat bahawa individu dewasa tidak memahami atau menghargai pengalaman pembelajaran murid.

3. Objektif Kajian

Kajian ini dijalankan untuk meninjau pelaksanaan kaedah edutainment dalam kalangan guru di sekolah-sekolah luar bandar di daerah Tambunan, Sabah. Terdapat tujuh objektif yang ingin dicapai dalam kajian ini, iaitu (i) Mengenal pasti tahap pengetahuan kaedah edutainment, (ii) Mengenal pasti tahap pelaksanaan kaedah edutainment, (iii) Mengenal pasti tahap cabaran yang dihadapi oleh guru-guru dalam melaksanakan pendekatan kaedah edutainment dalam proses PdP, (iv) Mengenal pasti perbezaan yang signifikan tahap pengetahuan kaedah edutainment berdasarkan jantina, (v) Mengenal pasti perbezaan yang signifikan tahap pelaksanaan kaedah edutainment berdasarkan pengalaman mengajar, (vi) Mengenal pasti hubungan tahap pengetahuan kaedah edutainment dengan tahap pelaksanaan kaedah edutainment, dan (vii) Mengenal pasti hubungan cabaran pelaksanaan kaedah edutainment dengan tahap pelaksanaan pendekatan kaedah edutainment.

4. Metodologi Kajian

Kajian ini berbentuk kuantitatif menggunakan kaedah tinjauan. Borang soal selidik digunakan sebagai alat pengumpulan data yang mengandungi empat bahagian utama, iaitu: (i) Bahagian A: Profil Demografi Responden, (ii) Bahagian B: Pengetahuan Kaedah Edutainment, (iii) Bahagian C: Pelaksanaan Kaedah Edutainment, dan (iv) Bahagian D: Cabaran Melaksanakan Pendekatan Kaedah Edutainment. Sebahagian besar item dalam borang soal selidik diadaptasi dan diubahsuai daripada kajian Agus (2021) dan Jantan et. al. (2016). Manakala beberapa item lagi dihasilkan oleh penyelidik sendiri mengikut keperluan kajian. Item dalam bahagian B hingga D mempunyai lima pilihan jawapan berbentuk skala Likert. Analisis kebolehpercayaan menunjukkan nilai alfa Cronbach bagi setiap bahagian adalah tinggi iaitu Bahagian B (.951), Bahagian C (.965) dan Bahagian D (.881).

Borang soal selidik disediakan dalam bentuk *Google Form* dan diedar secara talian menggunakan aplikasi media sosial iaitu *WhatsApp* dan *Telegram*. Pemilihan sampel kajian menggunakan kaedah persampelan bertujuan. Manakala penentuan saiz sampel adalah menggunakan jadual penentuan saiz sampel Israel (2003). Dapatan kajian dianalisis secara deskriptif untuk mendapatkan nilai kekerapan, peratus, skor min dan sisihan piawai. Skor min yang diperolehi dikod semula berpandukan interpretasi skor min Pallant (2007) iaitu; 1.00-2.66 (Rendah), 2.67-3.66 (Sederhana) dan 3.67-5.00 (Tinggi). Data statistik dianalisis menggunakan perisian *Statistical Package for Social Science (SPSS)* versi 26.0.

5. Dapatan Kajian

Bilangan responden adalah seramai 262 orang guru iaitu 58 orang guru lelaki (22.1%) dan 204 orang guru perempuan (77.9%). Manakala, analisis kekerapan dan peratusan mengikut kumpulan umur menunjukkan 15 orang guru berumur 24-30 tahun (5.7%), 32 orang guru

(12.2%) berumur 31-35 tahun, 126 orang guru (48.1%) berumur 36-40 tahun, 23 orang guru (8.8%) berumur 41-45 tahun, 31 orang guru (11.8%) berumur 46-50 tahun, 24 orang guru (9.2%) berumur 51-55 tahun dan seramai 11 orang guru (4.2%) berumur 56-60 tahun. Seramai 151 orang responden (57.6%) adalah guru yang bertugas di sekolah rendah. Manakala bakinya iaitu seramai 111 orang guru (42.4%) lagi bertugas di sekolah menengah.

Dari segi pengalaman mengajar, 15 orang guru mempunyai pengalaman mengajar 1-5 tahun (5.7%), 38 orang guru (14.5%) mempunyai pengalaman mengajar 6-10 tahun, 97 orang guru (37%) mempunyai pengalaman mengajar 11-15 tahun, 58 orang guru (22.1%) mempunyai pengalaman mengajar 16-20 tahun, 33 orang guru (12.6%) mempunyai pengalaman mengajar 21-25 tahun, 14 orang guru (5.3%) mempunyai pengalaman mengajar 26-30 tahun, 4 orang guru (1.5%) mempunyai pengalaman mengajar 31-35 tahun dan seramai tiga orang guru (1.1%) mempunyai pengalaman mengajar 36-40 tahun. Penelitian profil demografi responden adalah seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 1.

Jadual 1: Profil Demografi Responden

Profil	Perincian	Kekerapan	Peratusan (%)
Jantina	Lelaki	58	22.1
	Perempuan	204	77.9
Umur	56 - 60 tahun	11	4.2
	51 - 55 tahun	24	9.2
	46 - 50 tahun	31	11.8
	41 - 45 tahun	23	8.8
	36 - 40 tahun	126	48.1
	31 - 35 tahun	32	12.2
	24 - 30 tahun	15	5.7
Sekolah	Rendah	151	57.6
	Menengah	111	42.4
Pengalaman Mengajar	36 - 40 tahun	3	1.1
	31 - 35 tahun	4	1.5
	26 - 30 tahun	14	5.3
	21 - 25 tahun	33	12.6
	16 - 20 tahun	58	22.1
	11 - 15 tahun	97	37.0
	6 - 10 tahun	38	14.5
1 - 5 tahun	15	5.7	

Jadual 2 menunjukkan analisis tahap pengetahuan kaedah edutainment. Secara keseluruhannya, semua item tahap pengetahuan menunjukkan skor min yang tinggi, iaitu antara 3.71 hingga 4.11. Hal ini menunjukkan tahap pengetahuan kaedah edutainment dalam kalangan guru-guru luar bandar di daerah Tambunan, Sabah berada pada tahap yang tinggi.

Jadual 2: Analisis Tahap Pengetahuan Kaedah Edutainment

Bil.	Pernyataan Item	N	Skor Min	Sisihan Piawai	Tahap
B1	Saya tahu dengan jelas tentang konsep edutainment dengan baik.	262	4.04	.639	Tinggi
B2	Saya tahu aspek-aspek yang terkandung dalam kaedah edutainment dalam PdP seperti aspek kandungan, proses, produk dan persekitaran.	262	3.79	.663	Tinggi

B3	Saya tahu aras kognitif dan pengetahuan murid saya melalui pelaksanaan pendekatan kaedah edutainment dalam PdP.	262	3.84	.621	Tinggi
B4	Saya tahu kepentingan melaksanakan pendekatan kaedah edutainment dalam PdP.	262	4.11	.649	Tinggi
B5	Saya tahu fungsi dan kegunaan pelaksanaan pendekatan kaedah edutainment dalam PdP.	262	3.99	.631	Tinggi
B6	Saya tahu pelaksanaan pendekatan kaedah edutainment dalam PdP dapat membantu meningkatkan pengetahuan dan penguasaan murid.	262	4.10	.638	Tinggi
B7	Saya tahu cara mengaplikasikan pendekatan kaedah edutainment yang bersesuaian dengan keperluan murid dalam PdP.	262	3.87	.656	Tinggi
B8	Saya tahu cara untuk menetapkan kandungan, proses, produk dan persekitaran berdasarkan pola pengajaran kaedah edutainment dalam PdP.	262	3.87	.630	Tinggi
B9	Saya tahu menghasilkan bahan bantu mengajar yang bersesuaian dengan keperluan murid ketika menggunakan pendekatan kaedah edutainment dalam PdP.	262	3.71	.611	Tinggi

Jadual 3 mempersembahkan analisis skor min dan sisihan piawai bagi tahap pelaksanaan kaedah edutainment. Berdasarkan jadual tersebut, semua item tahap pelaksanaan edutainment menunjukkan skor min yang tinggi, iaitu antara 3.81 hingga 3.99. Hal ini menunjukkan tahap pelaksanaan kaedah edutainment dalam kalangan guru-guru luar bandar di daerah Tambunan, Sabah berada pada tahap yang tinggi.

Jadual 3: Analisis Skor Min Tahap Pelaksanaan Kaedah Edutainment

Bil.	Pernyataan Item	N	Skor Min	Sisihan Piawai	Tahap
C1	Saya merancang dan menetapkan kandungan, proses, hasil, atau persekitaran yang menepati kriteria pendekatan kaedah edutainment dalam proses PdP.	262	3.85	.754	Tinggi
C2	Saya menyediakan aktiviti pembelajaran yang bersesuaian untuk murid dengan menggunakan pendekatan kaedah edutainment dalam proses PdP bagi meningkatkan kesediaan, motivasi dan minat murid.	262	3.87	.731	Tinggi
C3	Saya mengenal pasti keperluan pelbagai aras keupayaan pendekatan kaedah edutainment dalam proses PdP.	262	3.81	.675	Tinggi
C4	Saya menentukan keperluan untuk menjayakan pendekatan kaedah edutainment dalam proses PdP.	262	3.81	.725	Tinggi
C5	Saya mempelbagaikan jenis pendekatan kaedah edutainment terhadap murid dalam proses PdP.	262	3.87	.769	Tinggi

C6	Saya menulis dan mendokumentasikan Rancangan Pengajaran Harian (RPH) berdasarkan aspek yang terkandung dalam pendekatan kaedah edutainment sebagai persediaan untuk melaksanakan proses PdP.	262	3.86	.897	Tinggi
C7	Saya melaksanakan pendekatan kaedah edutainment dalam proses PdP mengikut kesesuaian dan keadaan persekitaran bagi meningkatkan penguasaan murid.	262	3.99	.802	Tinggi
C8	Saya mengawal dan memantau proses pelaksanaan pendekatan kaedah edutainment dalam proses PdP secara profesional dan berterusan untuk melihat penglibatan dan perkembangan murid.	262	3.88	.761	Tinggi
C9	Saya membuat refleksi dan penilaian pengajaran untuk menambah baik pelaksanaan pendekatan kaedah edutainment dalam proses PdP dari semasa ke semasa.	262	3.91	.842	Tinggi

Jadual 4 menunjukkan analisis skor min cabaran melaksanakan kaedah edutainment. Secara keseluruhannya, terdapat dua item berada pada skor min tahap tinggi iaitu item D2 dan D4. Manakala tiga item lagi berada pada skor min tahap sederhana iaitu item D1, D3 dan D5. Hal ini menunjukkan guru-guru luar bandar di daerah Tambunan, Sabah berhadapan dengan cabaran dalam melaksanakan kaedah edutainment dalam PdP.

Jadual 4: Analisis Skor Min Cabaran Melaksanakan Kaedah Edutainment

Bil.	Pernyataan Item	N	Skor Min	Sisihan Piawai	Tahap
D1	Kurang mahir menggunakan kaedah edutainment dalam proses PdP.	262	3.01	1.063	Sederhana
D2	Persekitaran sekolah yang kurang kondusif (Contoh: Kemudahan internet, kawasan sekolah sempit, tiada bekalan elektrik).	262	3.73	1.097	Tinggi
D3	Kurang sokongan dari pihak pentadbir (Contoh: Semua kos ditanggung sendiri).	262	3.23	1.214	Sederhana
D4	Kekangan masa dan beban tugas.	262	3.79	.949	Tinggi
D5	Berhadapan dengan tanggapan negatif bahawa guru dan murid hanya “berhibur” sepanjang proses PdP.	262	3.19	1.315	Sederhana

Secara keseluruhannya, semua item tahap pengetahuan menunjukkan skor min berada pada tahap yang tinggi, iaitu 3.93. Skor min tahap pelaksanaan juga berada pada tahap yang tinggi, iaitu 3.87. Manakala skor min bagi cabaran yang dihadapi dalam melaksanakan kaedah edutainment juga berada pada tahap yang tinggi iaitu 3.39. Hasil analisis deskriptif tahap pengetahuan, tahap pelaksanaan dan cabaran dalam melaksanakan kaedah edutainment adalah seperti dalam Jadual 5.

Jadual 5: Analisis Skor Min Pengetahuan, Pelaksanaan dan Cabaran Melaksanakan Kaedah Edutainment

Aspek	N	Skor Min	Sisihan Piawai	Tahap
Pengetahuan	262	3.93	.537	Tinggi
Pelaksanaan	262	3.87	.70749	Tinggi
Cabaran	262	3.39	.87735	Tinggi

Jadual 6 menunjukkan perbezaan tahap pengetahuan kaedah edutainment dalam kalangan guru-guru berdasarkan jantina. Dapatan kajian mendapati tidak terdapat perbezaan yang signifikan tahap pengetahuan edutainment guru-guru berdasarkan jantina ($t(260) = 0.108$, $\text{sig} = 0.914$ $p > 0.05$). Skor min guru lelaki ialah ($\text{min} = 3.93$, $\text{SP} = 0.736$) manakala skor min bagi guru perempuan ialah ($\text{min} = 3.92$, $\text{SP} = 0.467$). Dapatan ini menunjukkan jantina tidak memainkan peranan yang signifikan terhadap perbezaan tahap pengetahuan kaedah edutainment dalam kalangan guru-guru di sekolah luar bandar di daerah Tambunan, Sabah.

Jadual 6: Analisis Ujian-t Perbandingan Tahap Pengetahuan Kaedah Edutainment Mengikut Jantina

Jantina	N	Min	SP	t	df	Sig
Lelaki	58	3.93	.736	.108	260	.914
Perempuan	204	3.92	.467			

*Signifikan pada aras < 0.05

Jadual 7 menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan skor min tahap pelaksanaan kaedah edutainment dalam kalangan guru berdasarkan pengalaman mengajar. Dapatan ini menunjukkan guru yang mempunyai pengalaman mengajar 6-10 tahun, 16-20 tahun dan 31-35 tahun mempunyai skor min lebih tinggi berbanding tempoh pengalaman mengajar yang lain iaitu $\text{min} = 4.11$, $\text{min} = 4.03$ dan $\text{min} = 4.00$.

Jadual 7: Analisis Min dan Sisihan Piawai Bagi Tahap Pelaksanaan Kaedah Edutainment Mengikut Pemboleh Ubah Pengalaman Mengajar

Pengalaman Mengajar	N	Min	Sisihan Piawai
36 - 40 tahun	3	3.56	.000
31 - 35 tahun	4	4.00	.000
26 - 30 tahun	14	3.55	1.193
21 - 25 tahun	33	3.80	.607
16 - 20 tahun	58	4.03	.558
11 - 15 tahun	97	3.87	.753
6 - 10 tahun	38	4.11	.314
1 - 5 tahun	15	3.14	.882

Sementara itu, Jadual 8 menunjukkan dapatan ujian ANOVA bagi menjelaskan perbezaan tahap pelaksanaan kaedah edutainment antara kumpulan pengalaman mengajar dan dalam kumpulan pengalaman mengajar, didapati terdapat perbezaan skor min yang signifikan tahap pelaksanaan antara kumpulan pengalaman mengajar dengan nilai $F = 4.212$ dan $\text{Sig} = 0.000$ < 0.05 . Hal ini bermakna terdapat perbezaan yang signifikan skor min tahap pelaksanaan kaedah edutainment dalam kalangan guru-guru berdasarkan pengalaman mengajar.

Jadual 8: Ujian ANOVA Perbezaan Tahap Pelaksanaan Kaedah Edutainment Berdasarkan Pengalaman Mengajar

Pengalaman Mengajar	Jumlah Kuasa Dua	Darjah Kebebasan	Min Kuasa Dua	Nilai F	Signifikan
Antara Kumpulan	13.588	7	1.941	4.212	.000
Dalam Kumpulan	117.053	254	.461		

Signifikan pada aras <0.05

Analisis korelasi pearson digunakan untuk mengenal pasti hubungan antara tahap pengetahuan kaedah edutainment terhadap tahap pelaksanaan kaedah edutainment guru-guru. Berdasarkan Jadual 9, hasil korelasi menunjukkan tahap pengetahuan mempunyai hubungan positif yang kuat ($r = 0.721$, $p < 0.05$) terhadap tahap pelaksanaan kaedah edutainment dalam kalangan guru-guru di sekolah luar bandar. Analisis korelasi pemboleh ubah mempunyai nilai $p < 0.05$, maka dapat dirumuskan bahawa terdapat hubungan signifikan yang kuat antara tahap pengetahuan terhadap tahap pelaksanaan pendekatan kaedah edutainment dalam proses PdP guru.

Jadual 9: Keputusan Ujian Korelasi Antara Tahap Pengetahuan Kaedah Edutainment Terhadap Tahap Pelaksanaan Kaedah Edutainment

Pembolehubah	Tahap Pelaksanaan			Tahap Kekuatan Hubungan
	<i>n</i>	<i>P(sig)</i>	<i>r</i>	
Tahap Pengetahuan	262	.000	0.721	Korelasi positif yang kuat.

*signifikan pada aras keberangkalian 0.05

Analisis korelasi pearson digunakan untuk mengenal pasti hubungan antara cabaran dalam pelaksanaan kaedah edutainment terhadap tahap pelaksanaan kaedah edutainment dalam kalangan guru-guru. Merujuk kepada Jadual 10, hasil korelasi menunjukkan cabaran pelaksanaan yang dihadapi guru mempunyai hubungan positif yang rendah ($r = 0.312$, $p < 0.05$) terhadap tahap pelaksanaan kaedah edutainment dalam kalangan guru-guru di sekolah luar bandar. Analisis korelasi pemboleh ubah mempunyai nilai $p < 0.05$, maka dapat dirumuskan bahawa terdapat hubungan signifikan yang rendah antara cabaran pelaksanaan terhadap tahap pelaksanaan pendekatan kaedah edutainment dalam proses PdP guru. Dapatan ini menunjukkan bahawa walaupun guru berdepan dengan pelbagai cabaran pelaksanaan kaedah edutainment, guru-guru tetap dapat melaksanakan kaedah edutainment dalam proses PdP mereka.

Jadual 10: Keputusan Ujian Korelasi Antara Cabaran Pelaksanaan Kaedah Edutainment Terhadap Tahap Pelaksanaan Kaedah Edutainment

Pembolehubah	Tahap Pelaksanaan			Tahap Kekuatan Hubungan
	<i>n</i>	<i>P(sig)</i>	<i>r</i>	
Cabaran Pelaksanaan	262	.000	.312	Korelasi positif yang rendah.

*signifikan pada aras keberangkalian 0.05

6. Perbincangan

Seramai 262 orang responden terlibat dalam kajian ini. Latar belakang responden diambil kira berdasarkan empat aspek utama, iaitu jantina, umur, sekolah dan pengalaman mengajar. Secara keseluruhannya, dapat disimpulkan bahawa sebahagian besar responden kajian ini merupakan

guru perempuan. 151 orang responden adalah guru sekolah rendah dan 111 orang responden adalah guru sekolah menengah. Manakala dari segi kumpulan umur, majoriti responden berumur dalam lingkungan 36 hingga 40 tahun dan telah berkhidmat sebagai guru melebihi 11 tahun dan ke atas. Dapatan ini menggambarkan bahawa majoriti responden adalah dalam kalangan guru-guru yang cukup berpengalaman dan berkemahiran dalam melaksanakan pelbagai pendekatan pembelajaran di dalam bilik darjah mahupun di luar bilik darjah.

Tahap pengetahuan kaedah edutainment dalam kalangan guru-guru luar bandar di daerah Tambunan, Sabah adalah tinggi. Hal ini dapat ditunjukkan melalui skor min yang tinggi bagi setiap item, iaitu antara 3.71 hingga 4.11. Dapatan kajian ini selari dengan dapatan kajian yang dilakukan oleh Wahab & Mahamod (2017) berkaitan tahap pengetahuan, sikap dan kemahiran melaksanakan pendekatan edutainment dalam kalangan guru Bahasa Melayu sekolah rendah di daerah Sepang, Selangor. Dapatan kajian tersebut mendapati guru-guru Bahasa Melayu mempunyai tahap pengetahuan yang tinggi (min= 3.95) tentang pendekatan kaedah pengajaran edutainment. Bagaimanapun item berkaitan pengetahuan konsep edutainment sekadar menunjukkan tahap skor min yang sederhana sahaja (min= 3.44). Skor min tersebut menggambarkan bahawa sebahagian guru kurang pengetahuan tentang konsep edutainment.

Tahap pelaksanaan kaedah edutainment menunjukkan skor min bagi semua item adalah tinggi dan hampir sekata, iaitu antara 3.81 hingga 3.99. Hal ini menunjukkan tahap pelaksanaan kaedah edutainment dalam kalangan guru-guru luar bandar di daerah Tambunan, Sabah berada pada tahap tinggi. Ahmad dan Othman (2020) dalam kajian mereka mendapati pelaksanaan kaedah edutainment dalam pengajaran kemahiran membaca Bahasa Melayu yang merangkumi elemen guru sebagai perancang, pelaksana, pembimbing, pendorong minda dan emosi murid serta penilai dalam SKPMg2 Standard 4 memcatatkan dapatan peratus yang tinggi iaitu melebihi 92 peratus bagi semua elemen. Dapatan ini menjelaskan bahawa guru telah memahami penggunaan kaedah edutainment dalam PdP. Namun begitu, guru masih perlukan bimbingan dan pemantapan pelaksanaan kaedah pengajaran edutainment.

Cabaran pelaksanaan kaedah edutainment yang dihadapi oleh guru berada pada skor min tinggi berkaitan persekitaran sekolah yang kurang kondusif, kekangan masa dan beban tugas. Manakala cabaran berkaitan kemahiran melaksanakan kaedah edutainment, kurang sokongan dari pihak pentadbir dan tanggapan negatif bahawa guru dan murid hanya “berhibur” sepanjang proses PdP berada pada skor min tahap sederhana. Secara keseluruhannya, tahap cabaran dalam melaksanakan kaedah edutainment dalam kalangan guru-guru luar bandar di daerah Tambunan, Sabah adalah tinggi. Dapatan ini menunjukkan guru-guru menghadapi cabaran dalam melaksanakan kaedah pengajaran edutainment.

Sementara itu, dapatan kajian mendapati tidak terdapat perbezaan min yang signifikan tahap pengetahuan edutainment guru-guru berdasarkan jantina $t(260) = 0.108$, $\text{sig} = 0.914$ $p > 0.05$. Skor min guru lelaki (min= 3.93, SP= 0.736) manakala skor min bagi guru perempuan (min= 3.92, SP= 0.467). Berdasarkan skor min yang diperolehi, jantina tidak memainkan peranan yang signifikan terhadap perbezaan tahap pengetahuan kaedah edutainment dalam kalangan guru. Hal ini menunjukkan guru lelaki dan guru perempuan di daerah Tambunan, Sabah mempunyai tahap pengetahuan kaedah edutainment yang hampir sama. Dengan kata lain, guru lelaki dan guru perempuan sama-sama mempunyai tahap pengetahuan kaedah edutainment yang tinggi. Dapatan kajian ini menyokong dapatan kajian Wahab & Mahamod (2017) yang menunjukkan bahawa tiada perbezaan yang signifikan ditemui antara jantina dengan pengetahuan kaedah pengajaran edutainment dalam kalangan guru-guru Bahasa Melayu sekolah rendah di daerah Sepang, Selangor.

Dari segi tahap pelaksanaan kaedah edutainment berdasarkan pengalaman mengajar, dapatan kajian menunjukkan guru yang mempunyai pengalaman mengajar 6-10 tahun, 16-20 tahun dan 31-35 tahun mempunyai skor min lebih tinggi berbanding tempoh pengalaman mengajar yang lain. Sementara itu, keputusan ujian ANOVA bagi menjelaskan perbezaan tahap pelaksanaan kaedah edutainment antara kumpulan pengalaman mengajar dan dalam kumpulan pengalaman mengajar, didapati terdapat perbezaan skor min yang signifikan tahap pelaksanaan antara kumpulan pengalaman mengajar dengan nilai $F= 4.212$ dan $Sig= 0.000 < 0.05$. Ini bermakna terdapat perbezaan yang signifikan skor min tahap pelaksanaan kaedah edutainment dalam kalangan guru-guru berdasarkan kumpulan pengalaman mengajar.

Menurut Lovorn (2017), guru yang mempunyai tempoh pengalaman mengajar yang lebih lama mempengaruhi keberkesanan sesuatu kaedah pengajaran yang digunakannya. Dengan kata lain terdapat perbezaan yang signifikan antara guru baharu dengan guru yang telah lama berkhidmat. Pendapat Lovorn adalah selari dengan dapatan kajian ini iaitu guru dengan pengalaman mengajar lebih enam tahun mempunyai skor min tahap pelaksanaan kaedah pengajaran yang lebih tinggi berbanding guru yang mempunyai pengalaman mengajar kurang enam tahun. Dapatan ini menyokong kajian Hattie (2003) yang mendapati guru baharu masih kurang berpengalaman dengan situasi sebenar sekolah dan proses PdP di dalam bilik darjah berbanding dengan guru yang telah mengajar lebih daripada lima tahun kerana telah berpengalaman luas dalam pengurusan bilik darjah.

Namun begitu, dapatan kajian ini bertentangan dengan kajian Khalil (2018) yang mendapati pengalaman mengajar tidak mempengaruhi tahap pengetahuan dalam kemahiran pemikiran sejarah yang meliputi pelbagai kaedah edutainment dalam kalangan guru sejarah di sekolah rendah. Suaidi (2017) dalam kajiannya turut mendapati guru matematik sekolah rendah sama ada guru baharu atau guru berpengalaman mempunyai kemahiran pedagogi yang hampir sama. Dapatan ini dapat disimpulkan bahawa guru baharu dengan guru berpengalaman sama-sama mendapat latihan kemahiran mengajar yang menjurus kepada penguasaan pelbagai kaedah pengajaran abad ke-21.

Keputusan ujian korelasi pearson menunjukkan tahap pengetahuan mempunyai hubungan positif yang kuat ($r = 0.721$, $p < 0.05$) terhadap tahap pelaksanaan kaedah edutainment dalam kalangan guru-guru di sekolah luar bandar. Analisis korelasi pemboleh ubah mempunyai nilai $p < 0.05$. Hubungan yang positif menunjukkan bahawa semakin tinggi tahap pengetahuan kaedah edutainment maka semakin tinggi tahap pelaksanaan kaedah edutainment. Dalam kajian ini, didapati guru yang mempunyai tahap pengetahuan kaedah edutainment yang tinggi akan mengaplikasikan kaedah edutainment dalam PdP mereka. Dapat dirumuskan bahawa terdapat hubungan positif yang kuat antara tahap pengetahuan terhadap tahap pelaksanaan pendekatan kaedah edutainment dalam proses PdP guru-guru di sekolah luar bandar di daerah Tambunan, Sabah.

Analisis korelasi pearson menunjukkan cabaran pelaksanaan yang dihadapi guru mempunyai hubungan positif yang rendah ($r = 0.312$, $p < 0.05$) terhadap tahap pelaksanaan kaedah edutainment dalam kalangan guru-guru di sekolah luar bandar. Analisis korelasi pemboleh ubah mempunyai nilai $p < 0.05$, maka dapat dirumuskan bahawa terdapat hubungan signifikan yang rendah antara cabaran pelaksanaan terhadap tahap pelaksanaan pendekatan kaedah edutainment dalam proses PdP guru. Dapatan ini menunjukkan bahawa walaupun guru berdepan dengan pelbagai cabaran pelaksanaan kaedah edutainment, guru-guru tetap dapat melaksanakan kaedah edutainment dalam proses PdP mereka. Dengan kata lain, guru-guru di sekolah luar bandar di daerah Tambunan, Sabah berhadapan dengan pelbagai cabaran atau

kekangan dalam melaksanakan kaedah pengajaran edutainment. Bagaimanapun, mereka tetap berusaha sebaiknya agar dapat mengaplikasikan kaedah edutainment dalam PdP mereka.

Dapatan ini tidak mengejutkan kerana ianya sudah tentu mempunyai kaitan dengan skor min tahap pengetahuan dan tahap pelaksanaan kaedah edutainment yang tinggi. Bagaimanapun, perkara ini tentulah bergantung kepada guru itu sendiri sama ada menerima atau menolak sesuatu perubahan dalam kaedah pengajaran. Jika guru menerima perubahan tersebut dengan hati yang terbuka, guru akan bersikap positif dan berusaha melaksanakan kaedah pengajaran dengan sebaik mungkin walaupun berhadapan dengan pelbagai kekangan (Ali & Rahman, 2016). Guru yang positif dapat menentukan keberkesanan pengajaran, lebih bertanggungjawab dalam mengajar murid dan berkebolehan melakukan perubahan dalam pelaksanaan inovasi yang diperkenalkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) (Wahab, 2013; Sulaiman, 2012).

7. Kesimpulan

Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa guru-guru luar bandar di daerah Tambunan, Sabah mempunyai tahap pengetahuan yang tinggi untuk mengaplikasikan kaedah edutainment dalam proses PdP mereka. Perkara ini dapat ditunjukkan melalui skor min tahap pengetahuan yang tinggi, iaitu 3.93. Skor min tahap pelaksanaan juga berada pada tahap tinggi, iaitu 3.87. Manakala skor min bagi cabaran yang dihadapi dalam melaksanakan kaedah edutainment turut berada pada tahap tinggi, iaitu 3.39. Secara keseluruhannya, kajian ini memberi gambaran bahawa guru-guru di daerah Tambunan, Sabah mengamalkan secara tekal kaedah edutainment dalam sesi PdP mereka. Di samping itu, guru-guru turut berhadapan dengan cabaran dan kekangan yang tinggi dalam melaksanakan kaedah edutainment. Namun, guru tetap sedaya upaya menggunakan kaedah edutainment dalam proses PdP mereka. Oleh itu, pihak berkepentingan seperti KPM, Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) dan pentadbir sekolah perlulah membantu guru agar pelaksanaan kaedah edutainment dapat dimantapkan lagi.

Rujukan

- Agus, A. N. A. 2021. Tahap Pengetahuan dan Kesiediaan Guru Bahasa Melayu dalam Melaksanakan Pendekatan Terbeza dalam Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah Semasa Tempoh Perintah Kawalan Pergerakan. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu-JPBM*, 11(1), 75-87.
- Ahmad, N., & Othman, S. 2020. Penggunaan Kaedah Didik Hibur dalam Pengajaran Kemahiran Membaca Guru Bahasa Melayu Sekolah Rendah. *International Journal of Education and Training (InJET)*, 6(2), 1-11.
- Ali, N. M., & Rahman, F. A. 2016. Sikap Guru Bahasa Melayu terhadap Pendekatan Pembelajaran Berasaskan Masalah (PBM) dalam Pengajaran dan Pembelajaran di Daerah Petaling Perdana. *International Journal of Education and Training*, 2(2), 1-8.
- Anikina, O. V., & Yakimenko, E. V. 2015. Edutainment as a Modern Technology of Education. *Procedia and Behavioral Sciences* 166: 475-479.
- Ferri, F., Grifono, P., & Guzzo, T. 2020. Online Learning and Emergency Remote Teaching: Opportunities and Challenges in Emergency Situations. *Societies Concept Paper*, 10(86), 1-18.
- Hattie, J. 2003. *Teachers Make a Difference: What is the Research Evidence?* Australian Council for Educational Research, 1-17.
- Isa, W. M. W., Amin, M. A. M., Rozaimie, A., Idris, W. M. R. W., Rahim, N., & Samaden, I. S. 2015. *Conceptual Framework of Edutainment Animated Series for Children: A Pious*

- Story. *Journal of Engineering and Applied Sciences*, 10(3), 1106-1113.
- Israel, G. D. 2003. *Determining Sample Size*. Gainesville: Institute of Food and Agricultural Sciences, University of Florida.
- Jamian, A. R., Othman, S., & Hashim, H. 2012. Persepsi Guru terhadap Penggunaan Kartun dalam Transformasi Pengajaran Penulisan Karangan Bahasa Melayu. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 2(1), 129-140.
- Jantan, R., Resad, N. A., & Fauzi, A. F. A. M. 2016. Aktiviti Didik Hibur dalam Kalangan Guru Prasekolah di Daerah Gombak. *Jurnal Pendidikan Awal Kanak-Kanak*, 5, 19-29.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. 2010. *Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (2006-2010)*. Edisi Pelancaran PIPP 2006. Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Khalil, M. Y. 2018. Tahap Pengetahuan Guru Sejarah Sekolah Rendah dalam Kemahiran Pemikiran Sejarah. *Prosiding National Innovation and Invention Competition Through Exhibition (iCompEx18)*. Politeknik Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah, Jitra, Kedah, Malaysia, 20-22 Mac.
- Kusnun, M. Z., & Ismail, A. 2016. Penerapan Kaedah Didik Hibur terhadap Motivasi Belajar di Kalangan Murid di Sebuah Sekolah Rendah Daerah Kluang. *Kertas Kerja Seminar Pendidikan Johor 2016*. Anjuran Universiti Tun Hussein Onn Malaysia dan IPG Malaysia. KSL Hotel & Resort Johor, Johor, 19-20 September.
- Lee, H. L. J. 2012. SMARTies: Using a Board Game in the English Classroom for Edutainment and Assessment. *Malaysian Journal of ELT Research*, 8(1), 1-34.
- Lovorn, M. 2017. Thinking Historically, Acting Locally: Training Teachers in Historiographical Analysis of Local Monuments. *Proceedings of the Multidisciplinary Academic Conference*, 204-212.
- Marklund, B. B., & Taylor, A. S. A. 2016. Educational Games in Practice: The Challenges Involve in Conducting a Game-Based Curriculum. *The Electronic Journal of E-learning*, 14(2), 122-135.
- Matos, A. P., Festas, M. I., & Seixas, A. M. 2016. Digital Media and the Challenges for Media Education. *Applied Technologies and Innovations*, 12(2), 43-42.
- Noh, M. A. C., Suhid, A., & Rahim, Z. A. (2018). Pelaksanaan Transformasi Pendidikan Islam dalam Mendepani Globalisasi. *International Seminar on Islamic Education (ISIE 2018)*. Faculty of Islamic Religion, Universitas Muhammadiyah Ponorogo, July 07th, 2018.
- Pallant, J. 2007. *SPSS Survival Manual: A Step by Step Guide to Data Analysis Using SPSS for Windows*. 3rd Edition. New York: Open University Press.
- Raheem, A. A. 2011. *The Effect of Using Computer Edutainment on Developing 2nd Primary Graders' Writing Skills*. Dissertation for Master Degree in Education. Ain Shams University.
- Rahman, W. F. W. A., Mohamad, I., Yusoff, M. S. B., Hadie, S. N. H., Ismail, M. A., Pa, M. N. M., Draman, N., & Yaacob, N. A. 2020. *Pandemik Covid-19: Cabaran Normal Baharu Pensyarah Perubatan Universiti Sains Malaysia*. Diakses pada 16 Jun 2021, dari <http://covid19.kk.usm.my/index.php/artikel/bacaan-umum/25-pandemik-covid-19-cabaran-norm-al-baharu-pensyarah-perubatan-universiti-sains-malaysia>.
- Suaidi, M. S. 2017. Pengetahuan Pedagogi Isi Kandungan dalam Kalangan Guru Novis dan Guru Berpengalaman di Sekolah Rendah Daerah Hulu Langat. *Prosiding Seminar Pendidikan Serantau Ke-VIII 2017*. Anjuran Universiti Kebangsaan Malaysia & Universitas Riau. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 7 September.
- Sulaiman, S. 2012. Tahap Penguasaan Proses Sains dan Sikap Guru serta Halangan dalam Pengajaran Kemahiran Saintifik bagi Mata Pelajaran Sains Pertanian. *Tesis Sarjana Sains*. Universiti Putra Malaysia.
- Wahab, I. A. 2013. Pengetahuan, Sikap dan Amalan dari Persepsi Guru dalam Pengajaran Kontekstual bagi Mata Pelajaran Prinsip Elektrik dan Elektronik di Sekolah Menengah

- Teknik Malaysia. Tesis Sarjana Sains. Universiti Putra Malaysia.
- Wahab, Z., & Mahamod, Z. 2017. Pengetahuan, Kemahiran Pelaksanaan dan Sikap Guru Bahasa Melayu Sekolah Rendah terhadap Pendekatan Didik Hibur. Prosiding Seminar Pendidikan Serantau Ke-VIII 2017. Anjuran Universiti Kebangsaan Malaysia & Universitas Riau. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 7 September.
- Zain, Z. M., & Hussin, M. 2014. Kualiti Pendidikan Luar Bandar Masih Ketinggalan? Diakses pada 1 Jun 2021, dari <https://icge.unespadang.ac.id/asset/file/files/icge%20II/VOL%201/51.%20Zarina%20Md%20Zain%20%26%20Muhammad%20Hussin.pdf>.
- Zorica, M. B. 2014. Edutainment at the Higher Education as an Element for the Learning Success. Proceedings of EDULEARN14 Conference, Barcelona, Spain.